

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**IMPLIKASI PENGGUNAAN SISTEM  
WANG FIAT DAN DINAR EMAS  
MENURUT PERSPEKTIF  
*MAQSAD HIFZ AL-MAL***

**SHAFEE BIN AHMAD @ SALLEH**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan  
untuk ijazah

**Sarjana Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

November 2016

## ABSTRAK

Wang memainkan peranan yang amat penting untuk mendatangkan kemakmuran dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan juga di akhirat. Ia merupakan alat pertukaran, unit pengukuran nilai dan alat penyimpan nilai yang diyakini oleh masyarakat. Sistem matawang yang kini dipraktiskan ialah sistem matawang fiat yang menggantikan sistem wang emas semenjak tahun 1971. Sistem ini telah menimbulkan pelbagai masalah ekonomi. Walaupun sistem wang fiat ini difatwakan harus dilaksanakan oleh umat Islam tetapi melihatkan kepada masalah ekonomi yang dihasilkan seperti inflasi, ketidakstabilan ekonomi, perluasan jurang pendapatan, bebanan hutang akibat riba, spekulasi dan manipulasi, pengangguran dan lain-lain lagi maka dirasakan perlu dilihat semula apakah ia benar-benar memenuhi kehendak maqasid syariah iaitu *maqṣad ḥifẓ al-māl*. Mengikut syariah satu-satu sistem itu bukan sahaja perlu halal tetapi juga tayyiban iaitu memberi kebaikan dan kebahagiaan untuk manusia didunia dan akhirat. Dengan itu objektif kajian ini adalah untuk melihat konsep wang, fungsinya dan perkembangannya mengikut sejarah, konsep *maqṣad ḥifẓ al-māl*, serta implikasi penggunaan sistem wang fiat dan sistem wang emas menurut perspektif *maqṣad ḥifẓ al-māl*. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang dibuat melalui penelitian data-data sejarah yang diperolehi dan dikumpul dari kitab-kitab, buku-buku, journal-journal ilmiah dan artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Implikasi penggunaan sistem wang fiat dan dinar emas dinilai menurut *maqṣad ḥifẓ al-māl*. Hasil dari kajian dan perbandingan yang telah dibuat didapati bahawa sistem wang fiat mempunyai implikasi ekonomi dan sosioekonomi yang tidak dapat memenuhi *maqṣad ḥifẓ al-māl*, manakala implikasi penggunaan sistem wang emas adalah sebaliknya.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan ahli keluarganya, para sahabat, seterusnya kepada semua kaum muslimin dan muslimat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah serta kurniaNya, penulis telah dapat menyiapkan tesis ini yang cukup bermakna kepada diri sendiri khususnya dan kepada pengajian ekonomi dan kewangan Islam amnya.

Melalui halaman ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Ezani Yaakub selaku penyelia kerana sudi meluangkan masa yang berharga untuk memberi komen, teguran dan juga bimbingan dalam proses menghasilkan tesis ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM yang telah sama-sama membantu secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh pengajian penulis.

Sekalung penghargaan juga ditujukan buat isteri, Norsalia Othman dan anak-anak yang memahami minat penulis dan tidak jemu-jemu memberi dorongan dan sokongan serta doa sepanjang masa terutama semasa menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapaku Haji Salleh dan dan semua guru-guru yang telah mendidik penulis sejak dari sekolah rendah lagi.

Akhir sekali penulis berharap semoga tesis ini dapat memberi manfaat dan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.

# ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	i
<b>DEKLARASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>SENARAI SINGKATAN EJAAN</b>	x
<b>TRANSLITERASI</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Latar Belakang Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Metodologi Penyelidikan	10
1.8.1 Metod Pengumpulan Data	10
1.8.2 Metod Analisis Data	11
1.9 Sorotan Literatur	12
1.10 Kesimpulan	18
<b>BAB DUA: KONSEP WANG DAN SEJARAH PENGGUNAANNYA</b>	20
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Definisi Wang	20

# BAB SATU

## Pengenalan

### 1.1 PENDAHULUAN

Islam didatangkan Allah S.W.T adalah sebagai kerahmatan dan kesejahteraan kepada umat manusia. Begitu juga dengan penggunaan wang sewajarnya konsisten dengan tujuan atau objektif *maqāṣid al-syarī'ah* iaitu memberi kebaikan dan menolak kemudaratan sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.*

(Al-Anbiya’: 107)

Mafhum ayat di atas bermaksud apa juga sistem yang dilaksanakan perlulah memenuhi *maqāṣid al-syarī'ah* termasuklah sistem mata wang. Persoalan asas ialah adakah sistem mata wang kertas (wang fiat) yang sedang digunakan sekarang ini memenuhi *maqāṣid al-syarī'ah* (*maqṣad ḥifẓ al-māl*) ?, walaupun Majlis Fiqh Antarabangsa secara sepakat membenarkan penggunaannya melihat kepada faktor cengkaman ekonomi dunia kontemporari ditangan bukan Islam dan ketiadaan alternatif seperti dinar emas dan sebagainya (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010).

Kajian dan perbincangan tentang sistem wang fiat dan dinar emas telah banyak dilakukan terutamanya selepas berlakunya krisis ekonomi Asia yang bermula pada bulan Julai 1997 (Zuhaimy Ismail, 2003). Walau bagaimanapun sehingga kini kajian perbandingan secara khusus tentang wang fiat dan dinar emas menurut perspektif *maqṣad ḥifẓ al-māl* belum lagi ditemui.

Justeru satu kajian yang berkaitan dicadangkan dengan tajuk “Implikasi Penggunaan Sistem Wang Fiat dan Dinar Emas Mengikut Perspektif *Maqṣad Hifẓ Al-*